



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH GAYA KEPIMPINAN, KOMPETENSI PENGURUSAN DAN
ORIENTASI KEUSAHAWANAN TERHADAP
PRESTASI PKS USAHAWAN INDIA
DI MALAYSIA

YOGESWARAN A/L VADIVELU

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (KEUSAHAWANAN)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian empirikal ini dibentuk untuk mengenal pasti perhubungan antara gaya kepimpinan, kompetensi pengurusan dan orientasi keusahawanan dengan prestasi PKS dalam kalangan usahawan kaum India. Objektif utama kajian ini ialah mengkaji peranan gaya kepimpinan dalam mempengaruhi kompetensi pengurusan, orientasi keusahawanan dan prestasi PKS. Sebanyak 180 orang responden yang mewakili firma PKS dari 8 buah negeri telah dijadikan sampel dalam kajian ini yang dipilih melalui kaedah persampelan sistematik. Data dikumpul melalui instrumen soal selidik MLQ (Avolio & Bass, 2004), kompetensi pengurusan (Robbins, 2005), orientasi keusahawanan (Covin & Slevin, 1989) dan prestasi firma (Lumpkin & Dess, 2006). Analisis korelasi dan regresi berganda telah digunakan untuk menjawab semua hipotesis kajian. Keputusan kajian menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah bebas iaitu gaya kepimpinan (transformasi dan transaksi), kompetensi pengurusan (merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal) dan orientasi keusahawanan (inovasi, proaktif dan pengambilan risiko) mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan prestasi PKS. Kajian ini mendapati gaya kepimpinan transformasi, kompetensi memimpin dan strategi inovasi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap prestasi PKS. Hasil kajian juga turut mendapati bahawa gaya kepimpinan transformasi mempengaruhi hubungan dengan kompetensi pengurusan dan orientasi keusahawanan serta prestasi PKS. Dapatan dari kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak kerajaan, para usahawan India, pengkaji lain dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang kepimpinan keusahawanan.

The Effect of Leadership Style, Management Competency and Entrepreneurial Orientation on Performance of Indian SMEs.

ABSTRACT

This empirical study was designed to identify the relationship between leadership style, management competency and entrepreneurial orientation with the performance of Indian SMEs. The main objective of this study is to examine the role of leadership style in influencing management competency, entrepreneurial orientation and performance of SMEs. A total of 180 respondents representing SMEs firms from eight (8) states used as samples in this study were selected through systematic sampling methods. Data collected through MLQ instrument (Avolio & Bass, 2004), competency management (Robbins, 2005), entrepreneurial orientation (Covin & Slevin, 1989) and firm performance (Lumpkin & Dess, 2006). Correlation and multiple regression analysis were used to answer the hypotheses. The result showed that leadership style (transformation and transaction), management competency (planning, organizing, leading and controlling) and entrepreneurial orientation (innovation, proactive and taking risk) have a significant positive relationship with the performance of SMEs. The study found that transformational leadership style, leading competency and innovation have a strong influence on the performance of SMEs. The study also found that transformational leadership styles affect the relationships with management competency and entrepreneurial orientation as well as performance of SMEs. The findings from this study would be used by the government, Indian entrepreneurs, researchers and other interested parties in the field of entrepreneurial leadership



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SUSUNAN KANDUNGAN

BAB

MUKASURAT

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

BAB I

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Objektif Kajian	25
1.5	Persoalan Kajian	27
1.6	Hipotesis Kajian	29
1.7	Signifikasi Kajian	31
1.8	Skop Kajian	34
1.9	Batasan Kajian	35
1.10	Definisi Operasional	37
1.11	Pengorganisasian Kajian	44
1.12	Rumusan	45



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	46
2.2	Kepimpinan	47
2.2.1	Teori Kepimpinan Transformasi	50
2.2.2	Teori Kepimpinan Transaksi	55
2.2.3	Teori Kepimpinan Pasif	57
2.3	Hubungan Gaya Kepimpinan Terhadap Prestasi PKS	59
2.4	Hubungan Kompetensi Pengurusan Terhadap Prestasi PKS	67
2.5	Hubungan Orientasi Keusahawanan Terhadap Prestasi PKS	74
2.6	Kerangka Teoritikal Kajian	83
2.7	Rumusan	90

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



3.1	Pengenalan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	92
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	93
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	96
3.5	Instrumen Kajian	97
3.5.1	Bahagian A: Demografi	99
3.5.2	Bahagian B: Gaya Kepimpinan	99
3.5.3	Bahagian C: Orientasi Keusahawanan	102
3.5.4	Bahagian D: Kompetensi Pengurusan	104
3.5.5	Bahagian E: Prestasi	106
3.6	Kajian Rintis	108
3.7	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	110
3.8	Analisis Kesahan Instrumen Kajian	111
3.9	Penganalisan Data	113



3.10	Kadar Respon Dan Ujian ‘Non Response Bias’	116
3.11	Analisis Ujian Multikoleneariti	119
3.12	Analisis Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	121
3.13	Analisis Faktor	122
3.14	Ujian Normaliti Dan Lineariti	129
3.15	Rumusan	133

BAB 4 DAPATAN HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	134
4.2	Analisis Deskriptif Demografi Responden	135
4.3	Analisis Deskriptif Demografi Perniagaan	138
4.4	Min Dan Sisihan Piawai Pemboleh ubah Kajian	141
4.5	Analisis Ujian Korelasi Antara Pemboleh ubah Kajian	141
4.6	Perkaitan Gaya Kepimpinan Dengan Kompetensi Pengurusan	144
4.7	Perkaitan Gaya Kepimpinan Dengan Orientasi Keusahawanan	148
4.8	Perkaitan Gaya Kepimpinan Dengan Prestasi PKS	152
4.9	Perkaitan Kompetensi Pengurusan Dengan Prestasi PKS	154
4.10	Perkaitan Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	157
4.11	Perkaitan Gaya Kepimpinan, Kompetensi Pengurusan Dan Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	160
4.12	Rumusan	164

**BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	166
5.2	Ringkasan Kajian	167
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	168
5.3.1	Demografi Responden	169
5.3.2	Tahap Gaya Kepimpinan, Kompetensi Pengurusan, Orientasi Keusahawanan Dan Prestasi PKS	169
5.3.3	Perkaitan Gaya Kepimpinan Dengan Orientasi Keusahawanan	170
5.3.4	Perkaitan Gaya Kepimpinan Dengan Kompetensi Pengurusan Dalam PKS	173
5.3.5	Perkaitan Gaya Kepimpinan Dengan Prestasi PKS	178
5.3.6	Perkaitan Kompetensi Pengurusan Dengan Prestasi PKS	179
5.3.7	Perkaitan Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	182
5.3.8	Perkaitan Gaya Kepimpinan, Kompetensi Pengurusan Dan Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	185
5.4	Cadangan Model Prestasi Usahawan PKS India	188
5.5	Implikasi Kajian	195
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	200
5.7	Rumusan	203

RUJUKAN	205
----------------	-----

APENDIKS A: Borang Soal Selidik	231
--	-----

APENDIKS B: DAPATAN SPSS	250
---------------------------------	-----



SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

3.1	Bilangan Firma PKS Mengikut Negeri (2010)	94
3.2	Bahagian Dan Sumber Soal Selidik Kajian	98
3.3	Ukuran Soal selidik Gaya Kepimpinan MLQ	100
3.4	Kebolehpercayaan Dan Kesahan MLQ	101
3.5	Ukuran Soal Selidik Orientasi Keusahawanan EOQ	102
3.6	Kebolehpercayaan Dan Kesahan EOQ	103
3.7	Ukuran Soal Selidik Kompetensi Pengurusan Robbins	104
3.8	Kebolehpercayaan dan kesahan Kompetensi Pengurusan Robbins	105
3.9	Ukuran Soal Selidik Prestasi PKS	107
3.10	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrumen Prestasi PKS	107
3.11	Keputusan Nilai Alpha Cronbach Kajian Rintis	110
3.12	Keputusan Ujian Barlett Test (KMO) Kajian Rintis	112
3.13	Tafsiran Pekali Korelasi Pearson	115
3.14	Keputusan Ujian Non Response Bias Demografi	119
3.15	Keputusan Ujian Non Response Bias Pemboleh Ubah	119
3.16	Keputusan Ujian Multikoleneartiti (Tolerance Dan VIF)	120
3.17	Keputusan Nilai Alpha Cronbach Kajian Sebenar	121
3.18	Keputusan Ujian Kesahan Kajian sebenar	123
3.19	Keputusan Ujian Barlett Test (KMO) Kajian Sebenar	123
3.20	Keputusan Analisis Varians Pemboleh ubah Kajian	125

3.21	Keputusan Matriks Komponen Gaya Kepimpinan	126
3.22	Keputusan Matriks Komponen Kompetensi Pengurusan	127
3.23	Keputusan Matriks Komponen Orientasi Keusahawanan	128
3.24	Keputusan Matriks Komponen Prestasi PKS	128
3.25	Keputusan Ujian Normaliti	131
4.1	Keputusan Ujian Deskriptif Demografi Responden	136
4.2	Keputusan Ujian Deskriptif Demografi Perniagaan	138
4.3	Keputusan Skor Min Dan Sisihan Piawai Pemboleh ubah Kajian	141
4.4	Keputusan Ujian Korelasi Antara Pemboleh ubah Kajian	143
4.5	Keputusan Ujian Korelasi Gaya Kepimpinan Dan Kompetensi Pengurusan	145
4.6	Keputusan Ujian Korelasi Gaya Kepimpinan Dan Ciri Kompetensi Pengurusan	145
4.7	Keputusan Ujian Regresi Gaya Kepimpinan Dan Kompetensi Pengurusan	147
4.8	Keputusan Ujian Korelasi Gaya Kepimpinan Dan Orientasi Keusahawanan	149
4.9	Keputusan Ujian Korelasi Gaya Kepimpinan Dan Orientasi Keusahawanan	149
4.10	Keputusan Ujian Regresi Gaya Kepimpinan Dan Orientasi Keusahawanan	151
4.11	Keputusan Ujian Korelasi Gaya Kepimpinan Dan Prestasi PKS	152
4.12	Keputusan Ujian Regresi Gaya Kepimpinan Dengan Prestasi PKS	154
4.13	Keputusan Ujian Korelasi Kompetensi Pengurusan Dan Prestasi PKS	155
4.14	Keputusan Ujian Regresi Kompetensi Pengurusan Dan Prestasi PKS	157
4.15	Keputusan Ujian Korelasi Orientasi Keusahawanan Dan Prestasi PKS	158
4.16	Keputusan Ujian Regresi Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	159
4.17	Keputusan Ujian Korelasi Gaya Kepimpinan, Kompetensi Pengurusan , Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	160

4.18	Keputusan Analisis Regresi Gaya Kepimpinan, Kompetensi Pengurusan Orientasi Keusahawanan Dengan Prestasi PKS	161
4.19	Keputusan Ujian Korelasi Dan Regresi Kajian	165
5.1	Keputusan Ujian Hipotesis Kajian	187

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Kerangka Teoritikal Hubungan Gaya Kepimpinan Terhadap Prestasi PKS Oleh Chung (2006)	83
2.2	Kerangka Teoritikal Hubungan Kompetensi Pengurusan Terhadap Prestasi PKS Oleh Man (2002)	85
2.3	Kerangka Teoritikal Hubungan Orientasi Keusahawanan Terhadap Prestasi PKS Oleh Kreiser (2002)	86
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian Bagi Prestasi Usahawan India Dalam PKS	88
4.1	Model Persamaan Analisis Regresi Pelbagai	163
5.1	Model Cadangan Prestasi PKS Usahawan India	194



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Keusahawanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan salah satu ejen pembangunan ekonomi negara (Mohd Asri, 2008). PKS dapat meningkatkan pengeluaran negara, peluang pekerjaan, menjana pendapatan negara serta meningkatkan taraf hidup dan tahap sosioekonomi masyarakat dalam negara (Kuratko, 2010). Di Malaysia bidang PKS mewakili 99.2 peratus bilangan perniagaan dan menyumbang sebanyak 32 peratus terhadap KDNK negara dan disasar meningkat kepada 41 peratus manakala sumbangan kepada tenaga kerja dan eksport masing-masing kepada 62 peratus serta 25 peratus menjelang tahun 2020 (Pelan Induk PKS, 2012).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Bank Negara Malaysia (2010), menerusi Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan melaporkan bahawa terdapat kira-kira 552,804 buah perniagaan kecil yang berdaftar di negara ini yang meliputi sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan. Sebanyak 7.5 peratus adalah di dalam sektor pembuatan, 86.3 peratus dalam sektor perkhidmatan dan 6.2 peratus adalah sektor pertanian. Secara keseluruhannya, PKS meliputi sebanyak 99.2 peratus daripada jumlah perniagaan dan hampir 80 peratus daripada PKS tersebut adalah merupakan perniagaan mikro dan kecil.

Statistik di atas jelas menunjukkan kepentingan serta sumbangan PKS terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara Malaysia. PKS juga telah menyumbang sebanyak 29.7 peratus dari jumlah keseluruhan pekerjaan dimana ia mempunyai lebih daripada tiga juta pekerja dan menjana pendapatan kira-kira RM 154 billion setiap tahun (BNM, 2010). Selain itu, PKS juga signifikan daripada segi pembasmian kemiskinan dan pembangunan taraf sosioekonomi setiap kaum di negara ini . Dalam konteks yang lain pula, PKS juga turut menjadi platform kepada setiap kaum di negara ini untuk mencapai taraf ekonomi yang tinggi.(Noraishah, 2009).

Setiap kaum di negara ini digalakkan untuk menceburi bidang PKS untuk meningkatkan taraf hidup dan taraf keusahawanan (Najib, 2011). Kelahiran PKS pada amnya dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan pendapatan negara. Namun, kewujudan PKS ini juga bertujuan untuk mengurangkan jurang kemiskinan dalam kalangan penduduk dan pada masa yang sama meningkatkan pendapatan perkapita penduduk, mewujudkan agihan pendapatan yang sekata, mengurangkan kadar inflasi dan mewujudkan imbalan pembayaran yang lebih seimbang (Zaimah, 2005).

Dengan mengambil kira kepentingan dan sumbangan bidang PKS kepada pembangunan ekonomi negara dan taraf hidup masyarakat serta kesejahteraan hidup rakyat selaras dengan agenda kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 di bawah model ekonomi baru dan pelan transformasi ekonomi, kerajaan telah menyediakan pelbagai peluang dan bantuan untuk menggalakkan semua kaum di negara ini menceburkan diri dalam bidang PKS di peringkat mikro sehinggalah ke peringkat antarabangsa (Mohd Asri, 2010). Selain itu, terdapat pelbagai agensi seperti Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) ditubuhkan oleh kerajaan bertujuan memberi peluang dan bantuan kepada setiap kaum di negara ini untuk meningkatkan penglibatan dalam bidang keusahawanan PKS.

Pelbagai dana kewangan khas juga diwujudkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan PKS untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka seperti Tabung Usahawan Baru, Tabung Industri Kecil dan Sederhana, Modal Usaha Niaga, Perbadanan Jaminan Credit (CGC) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) (Mohd Hassan, 2007).

Walau bagaimanapun, isu penyertaan kaum India dalam bidang keusahawanan PKS sering mendapat perhatian pelbagai pihak. Selaras dengan agenda pembangunan ekonomi negara di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) penekanan perlu diberi kepada aspek keseimbangan pendapatan dan keadilan sosial kepada semua kaum di negara ini. Kaum India didapati masih jauh ketinggalan dalam bidang perniagaan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah British di Malaysia pada zaman dahulu telah menempatkan orang India sebagai golongan buruh secara ekonominya di ladang-ladang getah telah menghakis budaya keusahawanan dan penglibatan kaum India dalam bidang perniagaan. (Akhbar Tamil Makkal Osai, 2010).

Namun, kemerdekaan negara telah membangkitkan semula kesedaran kaum India terhadap kepentingan aktiviti keusahawanan dan kesannya kepada ekonomi dan sosial negara. Kini penglibatan kaum India dalam bidang keusahawanan mula menunjukkan satu tanda yang positif. Masyarakat kaum India di negara ini perlu melakukan perubahan dan transformasi daripada segi pemikiran dan mentaliti untuk menceburi bidang keusahawanan

bagi mencapai kejayaan dan untuk bersaing secara sihat dengan bangsa lain supaya tidak tercicir dari arus pembangunan ekonomi negara yang menuju ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

1.2 Latar Belakang Kajian

Lembaran sejarah menunjukkan masyarakat kaum India di Malaysia telah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sejak sebelum merdeka lagi. Ini telah dibuktikan dalam sejarah Malaysia 1400-1963 di mana pedagang-pedagang dari negara India telah datang berdagang ke seluruh dunia. Perkembangan aktiviti keusahawanan kaum India di Malaysia bermula sejak zaman kesultanan Melaka pada kurun 15, di mana pedagang-pedagang dari negara India datang berniaga di negeri-negeri seperti Kedah, Pulau Pinang dan Melaka. Kebanyakan usahawan yang mempunyai perniagaan di Kedah dan Melaka merupakan saudagar India yang datang berdagang di Malaysia. Mereka akhirnya berkahwin dengan penduduk tempatan dan mula menetap di negara ini (Lotfi, 1980; Sethulakshimi, 1991; Sumathy, 2012).

Perkembangan aktiviti keusahawanan masyarakat India dapat dibuktikan semasa zaman kegemilangan kesultanan Melaka. Perkahwinan saudagar India dengan penduduk tempatan telah mempercepatkan proses asimilasi sehingga tertubuhnya sebuah kampung perniagaan yang bernama Tanjung Kling. Kebanyakan jenis perniagaan yang melibatkan usahawan kaum India ialah penjualan batu permata, emas dan pemborong rempah. Salah satu bidang utama yang wujud ketika itu ialah perniagaan peminjam wang (money lenders) juga dikenali sebagai 'ceti'. Perniagaan ini membawa banyak keuntungan kepada usahawan India dan ia berkembang pesat pada ketika itu (Sethulakshimi, 1991).

Namun, sejak merdeka keadaannya berubah di mana taraf keusahawanan kaum India di negara ini jika dibandingkan dengan kaum lain masih jauh ketinggalan. Sebagai contohnya, walaupun masyarakat India mewaliki 10 peratus daripada penduduk Malaysia, tetapi sehingga kini hak milik modal saham yang dimiliki oleh masyarakat India hanya 1.5 peratus sahaja. (Yayasan Strategik Sosial, 2006) Ini menunjukkan bahawa tahap keusahawanan dan kedudukan ekonomi masyarakat India masih ketinggalan jauh.

Sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1970, pembangunan bidang keusahawanan PKS kaum India di negara ini masih belum membanggakan kerana ia masih rendah berbanding kaum-kaum lain. Penyertaan kaum India dalam PKS kurang daripada 2 peratus berbanding dengan kaum Cina 60.9 peratus dan kaum Melayu 30.7 peratus (RMK-9). Antara matlamat utama DEB adalah membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat dengan

menghapuskan pengenalan kaum mengikut aktiviti ekonomi dikatakan gagal membela nasib ekonomi kaum India dan gagal melahirkan kaum India yang berbudaya keusahawanan.

Dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Negara (1991-2000), Rancangan Jangka Panjang Ketiga RJP (2001-2010) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), dikatakan gagal meningkatkan penyertaan dan tahap PKS kaum India kerana tidak ada satu inisiatif dan modus operandi yang bersungguh-sungguh dari pihak kerajaan mahupun pemimpin kaum India sendiri untuk merealisasikan kesemua dasar ini demi kebaikan dan pembangunan PKS kaum India di negara ini.

Masyarakat India jika ingin maju, mereka perlu berusaha sendiri seperti kata Stephen Convey seorang pakar pengurusan '*the change must come from within*'. Oleh itu, dalam menuju kecemerlangan perubahan harus dibuat bermula dengan diri sendiri dan bukan melalui orang lain atau menyalahkan pihak-pihak tertentu sebagai '*escapism*' terhadap segala kelemahan dan kegagalan kita. Pengenalan dasar seperti Model Ekonomi Baru (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), mula menyalakan harapan baru terhadap pembangunan PKS kaum India di negara ini (Malaysia, 2010). Pelbagai skim dan program telah dirangka di bawah RMK-10 untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi kaum India melalui aktiviti keusahawanan PKS.

Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) yang diwujudkan dengan kerjasama Tekun Nasional dan Unit Perancang Ekonomi (EPU, 2011) untuk meningkatkan status sosioekonomi kaum India di negara ini melalui aktiviti keusahawanan PKS mendapat peruntukkan sebanyak RM 20 juta bagi menyediakan skim pembiayaan mikro untuk menjalankan perniagaan kecil dan sederhana sekaligus meningkatkan penyertaan kaum India dalam bidang keusahawanan PKS (BERNAMA, 2011).

Selain itu, program Keusahawanan Masyarakat India (2011), yang memfokuskan kepada Program Satu Keluarga, Satu Usahawan yang mendapat peruntukkan sebanyak RM 20 juta untuk membangunkan kapasiti serta potensi insan keseluruhan masyarakat India di negara ini melalui aktiviti keusahawanan PKS (Muhyiddin, 2010) dan skim membasmi kemiskinan kaum India di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, turut menyediakan program-program seperti Program Pembangunan Industri Tembikar, Program Sutera Sari, dan Program 'Cyber Start' yang merupakan program-program komprehensif kerajaan di bawah RMK-10 untuk memperkasakan sosioekonomi kaum India di negara ini melalui aktiviti keusahawanan secara mikro dan kecil. (BERNAMA, 2011).

Tambahan pula, usaha untuk meningkatkan akses pinjaman mikro kepada usahawan India yang menceburi PKS turut diberi perhatian. Dalam tempoh hingga 2011, pinjaman sebanyak RM 14.3 juta di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), disalurkan kepada seramai 2593 usahawan PKS kaum India di seluruh negara dan pinjaman sebanyak RM 19.4 juta kepada seramai 2322 usahawan PKS India di bawah program TEKUN bertujuan membantu usahawan PKS India untuk mengembangkan dan memantapkan perniagaan mereka. (BERNAMA, 2011).

Dalam bajet 2012, kerajaan sekali lagi membuktikan komitmen terhadap kaum India di negara ini dengan menyediakan RM 100 juta kepada usahawan India melalui skim pinjaman mikro di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) supaya usahawan kaum India di negara ini terus berjaya dalam bidang keusahawanan PKS. Usahawan kaum India juga diberikan peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui Skim Dana Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana melalui peruntukan kerajaan sebanyak RM 20 juta (BERNAMA, 2012). Pembiayaan sebanyak RM 80 juta oleh kerajaan kepada penubuhan koperasi suria di bawah ETP kaum India yang berfungsi sebagai saluran alternatif menyediakan perkhidmatan kredit mikro bagi membantu usahawan kaum India adalah antara usaha transformasi kerajaan dalam membantu dan menaik taraf hidup masyarakat kaum India di negara ini melalui aktiviti keusahawanan PKS (Palanivel, 2012)

Akhir sekali, pemberian pinjaman berjumlah RM180 juta untuk komuniti perniagaan India di bawah pengendalian sekretariat khas untuk pengupayaan usahawan India (SEED) yang bertujuan membantu usahawan kaum India meningkatkan dan memajukan tahap keusahawanan setanding dengan agenda transformasi ekonomi negara telah jelas membuktikan keperihatinan kerajaan terhadap bidang keusahawanan dan usahawan kaum India di negara ini (BERNAMA, 2012).

Walaupun pelbagai bantuan dan strategi disediakan untuk membantu dan menjayakan agenda usahawan India dalam bidang PKS, namun usahawan India masih gagal mencapai tahap keusahawanan dan prestasi perniagaan yang diharapkan. Ini kerana, menurut laporan tahunan PKS (2010), tahap pencapaian usahawan India dalam bidang PKS adalah rendah dan kebanyakan usahawan mempunyai prestasi perniagaan yang rendah kerana mempunyai kemahiran pengurusan dan strategi perniagaan yang lemah.

Dapatan kajian Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (2010), mendapati kebanyakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) milik usahawan India di negara ini semakin mengalami kerugian dan kegagalan. Didapati kebanyakan usahawan PKS India menutup firma mereka kerana mempunyai prestasi perniagaan yang rendah dan gagal mendapatkan pulangan modal serta tidak mampu bersaing dengan usahawan kaum lain di negara ini.

Tambahan pula, laporan Bank Negara (2010) dan Bank Simpanan Nasional (2011), menunjukkan hampir 80 peratus usahawan India telah disenaraihitam akibat gagal membayar balik pinjaman perniagaan disebabkan oleh prestasi perniagaan yang rendah dan tidak mendapat keuntungan. Laporan TEKUN (2010), pula menyatakan kebanyakan usahawan kecil dan sederhana India gagal membuat bayaran balik pinjaman secara sistematik kerana sering mencatatkan kerugian dan prestasi perniagaan yang rendah. Kenapakah usahawan India mengalami prestasi yang rendah dalam PKS?

Menurut Madrid & Guijarro (2007), walaupun terdapat pelbagai faktor yang telah dikenalpasti melalui kajian lepas yang boleh mempengaruhi prestasi perniagaan, terdapat kajian yang mengenal pasti beberapa faktor seperti kompetensi pengurusan, dan orientasi keusahawanan dalam bidang PKS yang sangat signifikan dalam mempengaruhi prestasi PKS yang tinggi (Tarabishy, 2005). Menurut Kitma (2007), aspek kompetensi pengurusan menjadi sebagai faktor penentu utama kejayaan kepada para usahawan dalam bidang PKS di negara yang sedang membangun seperti Thailand. Sementara Azizi (2009), menyatakan bahawa faktor kompetensi merupakan faktor penting yang membantu para usahawan perusahaan kecil dan sederhana dalam perkembangan perniagaan dan pencapaian prestasi perniagaan yang tinggi di Malaysia. Kajian Mazuria (2004), juga mendapati faktor kompetensi pengurusan merupakan faktor yang menghalang pertumbuhan dan kejayaan para usahawan Bumiputera di negeri Johor, Malaysia. Kajian Muhd Rashid (2010), pula mendapati tahap kompetensi pengurusan perniagaan adalah amat rendah dalam kalangan

usahawan PKS yang membawa kepada kegagalan perusahaan Batik di negeri Kelantan, Malaysia.

Sementara, Lumpkin & Dess (2006), pula menyatakan faktor strategi orientasi keusahawanan merupakan faktor yang sangat mempengaruhi prestasi perniagaan PKS. Pemboleh ubah orientasi keusahawanan seperti inovasi, proaktif dan mengambil risiko menjadi pengukuran penting kepada PKS apabila melaksanakan strategi keusahawanan untuk bersaing dalam pasaran yang tidak menentu bagi meningkatkan prestasi terutama dalam kalangan usahawan PKS bumiputera di Malaysia (Awang, 2009). Ini adalah selaras dengan dapatan kajian Bhuian (2004), yang menyatakan tiga ciri faktor orientasi keusahawanan ini mempunyai hubungan yang sangat signifikan dalam mempengaruhi prestasi dan kejayaan usahawan PKS di Arab Saudi.

Dalam kajian lain di Malaysia Mohd Asri (2008), menyatakan bahawa PKS memerlukan pengurusan bijak berbanding dengan firma besar. Justeru itu, usahawan perlu mempunyai satu kompetensi pengurusan bersama dengan strategi keusahawanan yang tersusun, sistematik dan terancang untuk mengenal pasti keperluan-keperluan utama dalam operasi PKS untuk terus mendapat prestasi yang tinggi.

Namun Chowdhary & Saraswthy (2007), menyatakan bahawa prestasi PKS bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek kompetensi pengurusan dan strategi, malah ia juga bergantung kepada amalan kepimpinan dan gaya kepimpinan seseorang usahawan. Pandangan tersebut adalah selaras dengan pendapat Tarabishy (2005), yang menyatakan dalam keadaan persekitaran yang dinamik dan kompleks dan yang mempunyai persaingan yang tinggi, PKS memerlukan seorang usahawan yang mempunyai daya kepimpinan yang unggul. Justeru itu, aspek kepimpinan adalah sangat penting dalam perusahaan kecil dan sederhana untuk menentukan pengurusan yang cekap dan strategi keusahawanan yang betul bagi mencapai prestasi perniagaan yang baik (Chung, 2006) selaras dengan konsep 'kepimpinan keusahawanan' (Gupta & Macmillain, 2006).

Selaras dengan pandangan Tarabishy (2005), kajian Meyers (2009), mendapati bahawa majoriti usahawan di bandar Chicago di Amerika yang mempunyai kelemahan daripada segi strategi dan kepengurusan dalam sesebuah PKS adalah berpunca daripada kelemahan faktor kepimpinan. Pandangan Tarabishy (2005), juga disokong oleh kajian Nathaka (2007), yang mendapati faktor kepimpinan usahawan menjadi faktor utama yang mempengaruhi kompetensi dan strategi perniagaan yang membawa perniagaan PKS ke arah kejayaan di negara Thailand. Sementara Shuhymee (2013), yang menjalankan kajian ke atas 143 buah firma PKS di Malaysia juga mendapati faktor gaya kepimpinan mempengaruhi hubungan antara strategi orientasi keusahawanan dan prestasi PKS dalam situasi ekonomi yang tidak menentu.